

24 APR 1997

Abdullah-Jordan

MALAYSIA DAN JORDAN MAHU MESYUARAT SURUHANJAYA BERSAMA

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Malaysia dan Jordan telah bersetuju mengadakan mesyuarat suruhanjaya bersama yang akan memperluaskan lagi hubungan dua hala antara kedua-dua negara, kata Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Tarikh dan tempat mesyuarat itu belum ditetapkan tetapi ia akan diadakan secepat mungkin, kata beliau kepada BERNAMA dari Jordan.

Abdullah kini berada dalam rangka lawatan ke Jordan selepas melakukan lawatan ke Iraq. Beliau telah mengunjungi Putera Mahkota Jordan, Hassan Talal, Perdana Menteri Abdul Salam Al-Majali, rakan sejawatannya Fayez Tarawmeh dan beberapa Menteri lain.

Antara bidang yang dikenal pasti untuk mesyuarat suruhanjaya bersama itu ialah pelaburan, perdagangan, pelancongan, hubungan udara dan laut serta pembukaan kedutaan Jordan di Kuala Lumpur.

"Pandangan saya ialah kedutaan mereka di Kuala Lumpur harus dibuka secepat mungkin, tak semestinya dibincangkan dalam mesyuarat bersama itu sekiranya usaha memperluaskan hubungan Malaysia-Jordan itu hendak disegerakan," kata Abdullah yang dijadualkan pulang pada Sabtu ini.

Penubuhan kedutaan Jordan di Kuala Lumpur adalah penting untuk hubungan dua hala yang lebih bermakna dan bagi membolehkan ahli-ahli perniagaan Malaysia berurusan di negara itu, kata Abdullah.

Malaysia sudah mempunyai kedutaan di Amman. Penubuhan suruhanjaya bersama itu telah dipersetujui semasa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat Jordan dulu.

Abdullah berkata, perbincangannya dengan Putera Mahkota Hassan serta Menteri-menteri Jordan bertumpu kepada usaha memperluaskan lagi hubungan dua hala khususnya kerjasama dalam bidang pembangunan dan ekonomi.

"Mereka benar-benar hendak meningkatkan hubungan Malaysia-Jordan kerana selama ini, hubungan kami lebih kepada pendidikan dan kebudayaan," katanya.

Abdullah juga telah mengadakan perjumpaan dengan Menteri Perancangan Rima Khalaf, Menteri Pengangkutan dan Telekomunikasi, Bassam Saket, Menteri Pendidikan dan Pendidikan Tinggi Munther Masri dan Menteri Perdagangan Hani Mulki.

Abdullah berkata, Jordan bercadang mewujudkan kerusi pendidikan Bahasa Melayu di Universiti Al-albait dengan 700 pelajar Malaysia kini menuntut di situ.

Mengenai pertemuannya dengan Putera Mahkota Hassan, Abdullah berkata mereka juga bertukar pendapat mengenai situasi di Timur Tengah dan imej Islam di peringkat antarabangsa.

Mereka berbincang mengenai perlunya negara-negara Islam berusaha ke arah memperbaiki imej melalui pembangunan umat, mengamalkan sikap toleran dan menjauhkan daripada sikap pelampau dan bermusuhan

"Kami kesal dengan pandangan setengah negara Barat yang menghubungkan kait Islam dengan penganas serta pelampau dan berpendapat adalah menjadi tanggungjawab umat Islam untuk memperbaiki imej Islam," kata Abdullah.

Sehubungan itu, Jordan bersedia menghantar pegawainya untuk mengadakan perbincangan dengan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). -- BERNAMA

TCL PR